



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN NUR FARAHIAH BINTI RAMLI
USAHAWAN

OLEH:

AHMAD ADHAM BIN MOHD SAIFI	2022812794
MOHAMMAD FAIEZ BIN MOHD ZUHARI	2022882118

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2024 – FEB 2025)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN NUR FARAHIAH BINTI RAMLI
USAHAWAN DAN PEMBANTU PENGURUS RS SERUNDING

OLEH:

AHMAD ADHAM BIN MOHD SAIFI	2022812794
MOHAMMAD FAIEZ BIN MOHD ZUHARI	2022882118

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2024 – FEB 2025)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa kesyukuran, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam menjayakan penyelidikan dan dokumentasi sejarah lisan RS Serunding ini. Projek ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa sokongan, tunjuk ajar dan perkongsian ilmu daripada pelbagai individu dan organisasi yang sudi meluangkan masa serta berkongsi pengalaman mereka. Keikhlasan dan komitmen yang diberikan amat kami hargai dan menjadi dorongan utama dalam menyempurnakan usaha ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kami tujukan kepada Ts. Nurulannisa binti Abdullah selaku pensyarah subjek IMR 604 Pendokumentasian Sejarah Lisan yang telah memberikan bimbingan, nasihat dan dorongan sepanjang perjalanan penyelidikan ini. Sokongan dan panduan yang diberikan amat membantu kami dalam memastikan dokumentasi ini dapat disusun dengan teratur serta berlandaskan kajian yang kukuh. Tidak dilupakan, penghargaan istimewa buat pihak RS Serunding yang telah sudi berkongsi maklumat berharga mengenai sejarah, perkembangan, serta cabaran yang mereka tempuhi dalam industri ini. Kesudian mereka untuk berkongsi cerita dan pengalaman bukan sahaja memperkayakan kajian ini, tetapi juga membuka mata kami terhadap warisan serta nilai tradisi dalam perniagaan serunding.

Kami juga ingin merakamkan terima kasih kepada keluarga, rakan-rakan, dan semua individu yang secara langsung atau tidak langsung telah memberikan dorongan, semangat, serta idea bernas sepanjang proses penyelidikan ini. Tanpa kepercayaan dan sokongan mereka, usaha ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik. Semoga dokumentasi ini bukan sahaja menjadi rujukan berguna kepada generasi akan datang, tetapi turut memberikan inspirasi kepada mereka yang ingin mendalami sejarah serta kepentingan industri serunding di Malaysia.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK.....	2
BIODATA TOKOH.....	4
PENGENALAN.....	6
TRANSKRIP.....	8
BAHAGIAN 1: ASAL-USUL PERNIAGAAN SERUNDING.....	8
BAHAGIAN 2: PERKEMBANGAN PERNIAGAAN SERUNDING.....	15
BAHAGIAN 3: CABARAN DALAM PERNIAGAAN SERUNDING.....	20
BAHAGIAN 4: INOVASI DALAM PERNIAGAAN SERUNDING.....	24
BAHAGIAN 5: PASARAN DAN KEPENTINGAN PRODUK RS SERUNDING.....	30
BAHAGIAN 7: MASA DEPAN PERNIAGAAN RS SERUNDING.....	37
LAMPIRAN.....	41
LOG WAWANCARA.....	42
DIARI KAJIAN.....	50
SENARAI SOALAN.....	52
SURAT PERJANJIAN.....	56
GAMBAR.....	57
RUJUKAN.....	61
INDEKS.....	64

ABSTRAK

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan sejarah lisan RS Serunding, sebuah perniagaan serunding yang telah bertapak di Kampung Laut, Kelantan, sejak tahun 1985. Melalui wawancara bersama Puan Nur Farahiah Binti Ramli, kajian ini mengupas asal-usul perniagaan, faktor kejayaan, cabaran yang dihadapi serta inovasi yang diterapkan bagi mengekalkan keunikan produk. Resipi tradisional yang diwarisi terus dikekalkan manakala strategi pemasaran dan teknologi pengeluaran turut dipertingkatkan untuk memenuhi permintaan pasaran yang semakin berkembang. Namun, perniagaan ini masih berdepan cabaran seperti kenaikan harga bahan mentah, persaingan industri dan pensijilan halal untuk pasaran eksport. Usaha ini diharapkan dapat memberi gambaran menyeluruh mengenai kepentingan memelihara warisan makanan tradisional agar terus relevan dan mendapat tempat di pasaran tempatan serta antarabangsa.

Kata Kunci: *RS Serunding, makanan tradisional, inovasi, strategi pemasaran, cabaran masa depan.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA : Nur Farahiah Binti Ramli

UMUR :

TARIKH LAHIR :

TEMPAT LAHIR :

NAMA PASANGAN:

NAMA ANAK :

PENDIDIKAN : 1) Sekolah Kebangsaan Kampung Laut
2) Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Laut
3) UITM Shah Alam

PRODUK KELUARAN: Serunding Daging, Serunding Ayam & Serunding Ikan

PENGENALAN

PENGENALAN

Serunding adalah makanan tradisional Melayu yang sering menjadi pelengkap untuk hidangan utama seperti nasi, lemag, dan pulut. Di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan, serunding telah lama dihasilkan sebagai salah satu makanan warisan yang diwariskan dari generasi ke generasi. RS Serunding merupakan antara perusahaan serunding yang berjaya mengekalkan keaslian resipi tradisional sambil menyesuaikan diri dengan perubahan zaman dan kehendak pasaran moden.

Kajian ini memfokuskan kepada sejarah penubuhan, perkembangan, cabaran, serta inovasi yang dilakukan oleh RS Serunding dalam memastikan kelangsungan perniagaan mereka. Bermula sebagai perniagaan kecil-kecilan di rumah pada tahun 1985, RS Serunding telah berkembang menjadi pengeluar serunding terbesar di Kampung Laut. Perjalanan perniagaan ini bukan sahaja mencerminkan semangat keusahawanan keluarga, tetapi juga usaha gigih mereka dalam mengekalkan kualiti dan rasa tradisional serunding.

Melalui temubual bersama Puan Nur Farahiah binti Ramli, penolong pengurus RS Serunding, pelbagai kisah menarik tentang perjalanan perniagaan ini telah didokumentasikan. Daripada cabaran mendapatkan bahan mentah sehinggalah strategi pemasaran di era digital, setiap pengalaman yang dikongsikan memberikan gambaran jelas tentang jatuh bangun perniagaan tradisional di tengah arus pemodenan.

Dokumentasi ini bukan sahaja bertujuan untuk merakam sejarah RS Serunding, tetapi juga sebagai rujukan bagi generasi akan datang yang ingin memahami lebih mendalam tentang industri serunding dan cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan warisan makanan tradisional ini.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisar tentang temubual bersama Puan Farahiah selaku penolong pengurus RS Serunding bertempat di Kampung Warisan Kampung Laut Tumpat Kelantan. Temubual ini merangkumi berkenaan dengan biodata Puan Farah sebagai penolong pengurus RS Serunding, Sejarah serunding di Kampung Laut dan juga berkenaan proses perniagaan RS Serunding yang berdiri hampir enam dekad sejak dari 1985.

Berikut merupakan hasil temubual yang dilakukan bersama Puan Nur Farahiah.

Petunjuk:

PNF: Puan Nur Farahiah

MF: Mohammad Faiez

BAHAGIAN 1: ASAL-USUL PERNIAGAAN SERUNDING

MF : Boleh puan beritahu secara ringkas berkenaan dengan maklumat diri puan?

PNF : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, saya Nur Farahiah binti Ramli pembantu kepada Encik Farhan (pengurus RS Serunding). Saya selaku adik kepada Encik Farhan Ramli, sebenarnya RS Serunding ni satu *family business* (perniagaan keluarga). Jadi maknanya daripada saya kecil saya pun dah di ajar selok belok daripada proses (serunding) sampailah ke peringkat jualan. Maknanya dah tengok (proses pembuatan serunding) daripada kecil lagi, cumanya saya sebelum betul-betul *hundred percent* (sepenuhnya) bekerja di RS Serunding ni, saya pernah bekerja di pejabat guaman. Saya *start* (bermula)

masuk RS Serunding ni sejak arwah mak saya sakit, jadinya kita orang (kami) adik-beradik ni *takeover* (ambil alih).

MF : Kita pergi ke soalan seterusnya, boleh puan ceritakan secara ringkas berkenaan sejarah penubuhan perniagaan RS Serunding ini?

PNF : RS Serunding ini ditubuhkan pada tahun 1985... dalam 39 tahun lah sekarang...jadi Encik Farhan *takeover* (ambil alih) RS Serunding pada tahun dia STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) tak silap saya. Jadi maknanya RS Serunding dah lama la.... Kalau di Kampung Laut ni ada yang lagi lama tapi yang paling lama tu dah tak buat dah (serunding) sekarang ni...mknanya yang paling lama dan masih *stay* (tetap) dalam *business* (perniagaan) serunding ni adalah RS Serunding la....jadi kalau nak dikira dalam Kampung Laut ni RS Serunding adalah yang terbesar dan paling lama.

MF : Maksudnya dia *start* (bermula) dengan RS Serunding baru wujud perniagaan serunding yang lain.

PNF : Yaa, orang lain pun dia takde kilang...macam yang ramai yang buat kat rumah la dan dia takde kilang la

MF : Soalan seterusnya, apakah faktor yang mempengaruhi pembukaan perniagaan RS Serunding ini?

PNF : *Okay (baiklah)*....pada tahun 1985 tu....masa arwah mak dapat idea untuk membuat serunding ni dia adalah penjual keropok....dulu Kampung Laut sebenarnya – sungai Kampung Laut tu adalah laut....dia sebenarnya kat sungai adalah laut jadinya pekerjaan utama penduduk Kampung Laut tu adalah nelayan...*okay* jadinya nelayan – bila ramai nelayan..... terfikir di situ macam mana nak buat makanan (yang) tahan lama untuk dibawa (oleh nelayan)....sebabnya nelayan ni bila ke laut dia dua tiga hari kat laut...haa jadinya suri-suri rumah ni fikir nak bekalkan makanan untuk suami-suami diorang tu yang pergi ke laut tu...makanan yang senang dibawa senang dimakan...disitulah tercetusnya idea nak buat serunding..dari situlah...

MF : Maksudnya serunding ni direka khas untuk para nelayan la maksudnya...kita nak bekalkan makanan yang boleh--

PNF : Senang dibawa haa tempoh lama la maksudnya..

MF : Soalan yang seterusnya, berapakah modal permulaan dalam membuka perniagaan ini?

PNF : *Okay*...pada tahun 1985 dulu...apa modal tu tak banyak pun....tak silap saya serratus ringgit (RM 100) masa tu macam dah besar sangat dah...sebab tahun

1985 tu memang tak macam sekarang lah...dulu hanya bermodalkan dengan dua biji kawah iaitu kawah besi je....satu untuk rebus satu lagi untuk proses menggoreng la...lepastu dengan sedikit kayu api lepastu takde *staff* (pekerja) lagi hanya arwah mak sahaja yang buat masa tu..itu sahaja yang kita guna untuk modal permulaan sebab masa tu kita baru nak test market...mula-mula buat untuk diri sendiri untuk *family* (keluarga) lepastu macam ada permintaan tinggi kita nak *test market* (cuba pasarkan) dulu tu je modal yang digunakan dulu..

MF : Kita pergi ke soalan seterusnya, adakah perniagaan ini bermula dari rumah ataupun terus membuka kilang?

PNF : Kita mula dari rumah dulu...kita buat dekat dapur je dulu dekat tepi rumah...semua proses dekat situ laa kita macam tutup pun dengan dinding zink je dulu.....lepastu dah makan tahun permintaan pun dah tinggi barulah kita buat... nak kata kilang tak laa tapi tempat proses khas la depan rumah tapi masa tu atas rizab tanah JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) tepi sungai..lepastu kat situ la kita buat apa macam bukan atas tanah sendiri tapi masa tu bila dah sorang *start* (bermula) buat atas rizaab tanah tu.....tapi dulu macam kerajaan okay buat je selagi tak mengganggu kerja-kerja diorang sampai ada pengambilan tanah untuk buat benteng banjir..

MF : Pastu lepas daripada itula baru *start* (bermula) buka kilang tu

PNF : Haa iye...kita makin besar-besar (berkembang).

MF : **Okay (baiklah)....kita ke soalan seterusnya...berapakah jumlah pekerja yang terlibat dalam pemprosesan serunding ini?**

PNF : *Okay (baiklah)...kita dekat RS Serunding ni kita dua department (bahagian) satu department tempat proses yang kedua tempat packaging (pembungkusan) la packaging dengan jualan....okay kalau dekat proses kita ada yang staf tetap dalam tiga orang.....packaging tujuh orang..macam dekat tempat proses tu yang saya cakap tadi tiga orang je yang tetap yang lain daripada tu kita hanya bagi upah..contohnya dapat upah tu apa bahagian kupas bawang--*

MF : Dia macam *part time* (separuh masa) la

PNF : Haaa iye...nak cakap *part time* tu setiap hari diorang datang tapi gaji diorang tu bukan apa orang cakap.....gaji diorang tu mengikut kuantiti yang kita guna haritu--

MF : Untuk proses serunding--

PNF : Iyeee...macam ada serunding kita buat setiap hari tapi kuantiti la yang berlainan sebab kita buat based on demand (mengikut permintaan semasa)...

MF : Soalan yang seterusnya...adakah RS Serunding hanya memfokuskan serunding sahaja bagi produk jualan?

PNF : Kita hanya fokus kepada serunding sahaja lah...yang lain-lain tu dia lebih kepada *vendor* (penjual)....

MF : Apakah bahan utama yang digunakan dalam pembuatan serunding?

PNF : Bahan utama semestinya kalau perasa daging daging la...yang kedua bahan yang banyak kita gunakan adalah santan...lepas tu kita guna cili-cili, bawang la...

MF : *So* (jadi) maksudnya dia contoh ada satu *flavour* (perasa) macam daging je ke atau ada *flavour* lain?

PNF : Kita ada empat jenis serunding yee...kalau serunding daging kita ada dua jenis...satu daging tempatan dengan daging import...yang ketiga ayam...keempat ikan la...

MF : Soalan seterusnya...adakah resipi pembuatan serunding berubah mengikut peredaran masa?

PNF : Kalau dari segi resepi daripada 1985 hingga sekarang kita masih mengekalkan...makna kita...misi kita nak kekalkan resepi dari segi rasa dengan kualiti tu tetap sama walaupun dah bertukar zaman dah generasi kedua...

MF : Soalan seterusnya...adakah RS Serunding ada menjadikan Syarikat pembuatan serunding yang lain sebagai *role model* (contoh) untuk mengembangkan perniagaan?

PNF : Ada jugak...kita kadang-kadang...macam kita pergi mana-mana kita tengok ouuhh dia buat macam ni...apa dari segi contohnya...maksud saya dari segi tempat proses ke dari segi penggunaan barangan...tapi kalau dari segi resepi kita kekalkan cuma dari segi apa susun atur untuk *attract* (menarik) *customer* (pelanggan)...dari segi jualan.....macam contoh sekarang jualan dalam *online* (atas talian) lebih tinggi daripada jualan terus di kedai...so (jadi) kita ambil pendekatan kita kena buat jualan *online*...macam tu la...

BAHAGIAN 2: PERKEMBANGAN PERNIAGAAN

SERUNDING

MF : Saban hari kita dapat melihat permintaan serunding bertambah meningkat dari hari ke hari...pada pendapat puan apakah faktornya?

PNF : *Okay* (baiklah)...kalau nak dibandingkan dari dulu sampai sekarang...permintaan serunding ni makin meningkat...faktor yang menyebabkan makin meningkat sebabnya kalau dulu serunding ni orang makan dengan nasi je...sekarang dah pelbagaikan macam mana serunding ni boleh dimakan selain dengan nasi...kita buat sebagai *topping* (perencah) pizza...kita makan dengan makanan lain macam kita nak ajar....apa bagi orang tengok maknanya serunding ni bukan apa boleh makan dengan nasi je..maknanya untuk *breakfast* (sarapan) kita boleh buat makan dengan roti untuk tengah hari kita boleh buat makan dengan nasi...okay kalau malam macam mana...kita boleh perkenalkan *which is* boleh makan dengan maggi ke...sebabtu permintaan makin meningkat maknanya serunding ni boleh dimakan dengan pelbagai cara--

MF : Pelbagai makanan lain--

PNF : Iyeee..

MF : Soalan seterusnya...adakah perubahan sosial mempengaruhi permintaan serunding?

PNF : Betul jugak....sebab sekarang ni kebanyakan orang dia kerja daripada pagi sampai malam...kadang-kadang petang maghrib baru sampai rumah penat nak masak....dia nak cari benda yang cepat *ready to eat* (cepat dimakan) jadi takpe masak nasi goreng ayam serunding dah ada sebagai perisa....macam sahur kan kita bangun lambat ke sahur takut tak sempat makan dengan nasi je...senang

MF : Soalan seterusnya... adakah media sosial memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan produk RS Serunding?

PNF : Betul..media sosial memainkan peranan sangat penting....perkara yang paling penting sebab dia lebih cepat....Lepas tu dia mengembangkan dan boleh menghubungkan dengan....Mereka bukan dekat satu tempat sahaja Bila kita pos, semua orang boleh tengok Daripada semua library di negara lain pun boleh tengok.

MF : Boleh puan jelaskan tentang pasaran semasa produk serunding ini?

PNF : Pasaran semasa kita berada dekat *online* (atas talian)...dekat RS Serunding, kita sebenarnya walk in lagi ramai Berbanding dengan online sebabnya....dekat RS Serunding, kita dah mencipta nama hingga ke peringkat pelancongan dan apa nama kita dah ada dekat *tourism* (pelancongan)...maksudnya, setiap hari

Khamis, Jumaat, Sabtu, Ahad Kita akan menerima tujuan daripada pelancong-pelancong luar dengan bas.

MF : Pada pendapat puan, bagaimanakah produk serunding ini yang mana lebih dikenali sebagai produk makanan tradisional tetap mendapat sambutan pada masa ini?

PNF : Sebab serunding ini, walaupun ia makanan tradisional tapi ia boleh dimakan daripada pelbagai lapisan masyarakat, maknanya daripada kanak-kanak hingga dewasa hingga warga emas....bukan kata benda itu macam benda yang tak membahayakan untuk kanak-kanak...cuma kita buat pelbagai jenis serunding. Sebab setengah orang tak boleh makan lagi mungkin kita ada ayam-ayam kanmaksudnya tetap boleh makan serunding....lepas itu, macam saya cakap tadi serunding ini senang nak bawa ke mana-mana atau senang nak dihidangkan sebab dia dia tahan lama sebab itulah makanan serunding ini tetap kekal menjadi makanan tradisional yang perlu ada.

MF : Soalan yang seterusnya sejak daripada pengoperasian serunding ini apakah cabaran utama dihadapi oleh pihak puan?

PNF : Cabaran kita adalah dari segi kenaikan harga barang kekurangan bahan-bahan dan juga persainganbila persaingan kita banyak, ramai sudah tentu akan menjadi ada...yang mainkan harga dan risiko harga akan naik adalah macam RS

Serunding, kita tak boleh nak main harga kita tak boleh nak *follow* (ikut) orang walaupun orang boleh jual dengan harga murah, kita tak boleh sebab kita masih kekalkan resipi kita kuantiti yang kita gunakan walaupun kos bahan mentah meningkat kita tak kurangkan kuantiti yang kita gunakan....contoh macam sekarang ni santan mahal bila santan mahal, kita tak boleh nak kurangkan kuantiti santan dalam masakan kita kita tetap *maintainkan* (kekalkan) tapi kita terpaksa naikkan harga walaupun orang boleh jual dengan murah sebenarnya RS Serunding boleh jadi ada yang murah sangat dan ada yang jadi mahal sebab kadang-kadang kuantiti yang kita gunakan dari segi kuantiti bawang yang kita gunakan santan yang kita gunakan itu menjadi satu kelainan dan sikap rasa dan ketahanan serunding itu jadi.....setengah orang dia *aim* (capai) aku nak jual serunding ni murah sebab cepat habis bila dia nak jual dengan harga murah dia tak boleh gunakan kuantiti bahan yang macam RS gunakan dia terpaksa kurangkan contoh kalau daging yang dia gunakan nak guna *full* (penuh) daging akan jadi mahal jadi dia terpaksa campurkan dengan kerisik macam itulah jadi walaupun kita ada option untuk kurangkan harga kita tak gunakan benda macam itu kita tetap maintainkan resepi kita kita kekalkan kualiti dan rasa..

MF : Soalan seterusnya apakah strategi utama yang digunakan untuk mengekalkan kualiti produk yang dihasilkan oleh RS Serunding?

PNF : yang betul saya cakap tadi lah lepas tu kita kita masak dengan agak lama untuk kekalkan dia betul-betul tahan lama untuk dia tahan lama kita kena masak dia dengan lama lama dalam betul-betul masak betul-betul kering dengan kebersihan untuk kekalkan kualiti...

BAHAGIAN 3: CABARAN DALAM PERNIAGAAN

SERUNDING

MF : Adakah terdapat cabaran dalam mendapatkan bahan mentah?

Maksudnya dari segi pembekal atau vendor?

PNF : Macam sekarang....macam sekarang pun kita ada kesukaran dalam mendapatkan santan sebab kelapa susah nak dapat sekarang ni katanya kelapa tak menjadisantan itu dari segi kelapa dari segi santan kadang-kadang dari segi daging kadang-kadang ada juga susah sebab kadang-kadang kenaikan harga mendadak kan...macam contoh pasal pandemik dulu bila lockdown restoran tak boleh buka semua tak boleh jual kita kita menghadapi kesukaran untuk dapatkan daging sebab bila restoran semua tutup untuk kita dapatkannya daging itu....lembu tak boleh disembelih....sebab sebenarnya kita hanya menggunakan satu sahaja bahagian yang lain kita tak nak....jadi bila kita tak ambil bahagian lain orang sembelih lembu tu habis tu saya nak bagi kat siapa saya nak *supply* (bekalkan) kat siapa yang lebih empat lembu tadi sebab kedai restoran tak boleh buka jadi satu kesukaran lah untuk kita nak teruskan proses sedangkan *order* (tempahan) ada jadi cabaran kita kita terpaksa macam tu kedai ni kedai ni maksudnya ambil daripada pelbagai vendor jadi bila kita buat macam tu harga pun terlalu lain maksudnya kenaikan sebentar tadi yang telah menerangkan cabaran dalam mendapatkan bahan-bahan mentah...

MF : Apakah langkah yang digunakan oleh pihak RS Serunding untuk mengatasinya?

PNF : Macam saya cakap tadi kita kena bekerja keras sikit la catu-catu semua macam yang saya cakap tadi kita terpaksa bekerja keras sedikit lah kena pergi satu-satu kedai....bila ada kenaikan harga yang memandang tak macam ni contoh macam sebelum ni kita macam pula *supply* (bekalan) kita dengan orang ni bila kenaikan harga macam ni kita terpaksa bertandingkan *supply* yang lain untuk mendapatkan harga minim yang lain

MF : Apakah kaedah yang digunakan oleh RS Serunding untuk memasarkan produk jualan?

PNF : Selain yang pada walk-in ke kita online selain tu kita kita cuba cara perspektif kita naik turun pejabat sikit lah kita kena macam sebelum kita menjadi kepercayaan kepada pihak SUK...pejabat menteri besar bukan senang sebenarnya macam mana kita nak yakinkan orang yang produk kita ni antara yang terbaik bila kita dah ada kepercayaan pada mereka memang kerajaan akan order dengan kita lah untuk dibahagikan kepada adalah untuk mereka akan lain jabatan-jabatan lah.....lepas tu dari sikit untuk mendapatkan nama pihak tourism contoh macam sekarang bila pelancong datang ke kelantan mereka akan refer pada pihak pelancongan jadi bila dia bertanya di Kelantan apa yang di mana ini mereka akan ada nama untuk dapatkan *title* (gelaran) tu bukan senang sebenarnya..

MF : Selanjutnya dari hari ke hari cerita rasa masyarakat mungkin berubah sedikit demi sedikit jadi adakah puan bersetuju dengan pernyataan ini?

PNF : Kalau dari segi serunding ni mereka nak yang jenis kurang pedas...nak ekstra pedas dan nak yang rempah....macam serunding ni masa kita profesional ni kita guna tahap kepedasan tu satu level je....maknanya boleh guna kanak-kanak pun boleh makan di luar semua boleh makan....maknanya kita tak ada sebab serunding ni kalau kita buat pedas lama-lama nanti dia akan kurang pedas dia sendiri jadi tak menjadi masalah sangatlah untuk saya nak ikut cerita rasa tu sebab ni dia macam kita buat tengah-tengah sebab kalau dari segi *feedback customer* kalau dia kalau dia pergi rasa dekat tempat lain *customer*....dia lebih kepada dia bagitahu tempat lain lebih kepada manis jadi serunding ni sebenarnya dia tak boleh manis sangat dia kena ada pedas, pedas lama pun sambal kalau serunding ni sebenarnya kadang kadang kita banyak sambal.

MF : Berdasarkan jawapan puan tadi, apakah jaminan yang digunakan oleh RS Serunding untuk kekal relevan dalam pasaran makanan tradisional?

PNF : Macam kata tadilah saya cakap kita kena kekalkan dari segi rasa dan kualiti produk bila kita kekalkan bila *customer* makan tu betul-betul masih rasa macam dulu lepas tu dia tak ada jaminan dari pihak kita yang sebenarnya kita ni boleh tahan lama sesuai untuk *travel* (melancong) pun.....macam contoh macam

musim-musim banjir ni kita menggunakan makanan yang takkan lama dan senang dimakan banyaknya betul-betul dapat membantu seseorang tu dalam dari segi nak dapatkan makanan.

MF : Soalan seterusnya...bagaimanakah RS Serunding berdepan dengan kenaikan kos bahan mentah dari hari ke hari?

PNF : Kenaikan bahan mentah ni nak nak dari dulu memang banyak yang naik...mula-mula daging kemudian santan...ada saya dah bagitau tadi kita tak kurangkan bahan kita naikkan harga tapi sedikit demi sedikit...cumanya macam untuk menarik minat *customer* (pelanggan) kalau kita nak tetap orang beli serunding kita walau kita harga naik kita jual dengan harga *trial* (percubaan) packaging dapat dengan sepuluh ringgit orang boleh beli...jadi bila harga dah naik kita terpaksa kurangkan gram lah dalam packaging....

BAHAGIAN 4: INOVASI DALAM PERNIAGAAN

SERUNDING

MF : Kita seterusnya pergi kepada soalan berkaitan dengan inovasi dalam perniagaan RS Serunding...Soalan pertama adakah pihak RS Serunding menyediakan SOP (Standard Operation Procedure) dalam menginovasikan produk sedia ada untuk memenuhi keperluan pelanggan?

PNF : *SOP* itu yang penting dalam sesuatu perkara sebenarnya sebab dari situ kita apa dapat tengok apa yang kurang dari proses aliran kita..contoh macam dulu pada tahun 1985 hingga tahun 2006 tak silap say akita menggunakan kayu api..jadi untuk dapatkan sijil halal dari segi kebeRSihan produk kita...kita stop menggunakan kayu api kita guna dapur gas.*Okay* (baiklah) bila kita guna dapur gas itu adalah satu *upgrade* (perubahan) daripada kita orang.....lepastu kita daripada lepas rebus daging ke *step* (langkah) seterusnya masak rempah ...dari segi masak rempah kita menggunakan dapur gas...tiada dah kayu api...sebab dulu *famous* (terkenal) la buat dengan kayu api..macam benda ni tradisional tapi dari segi kebersihan untuk dapatkan...nak kata ikut *spec* (kriteria) yang betul-betul kebersihan kita tak lulus kalau kita guna kayu api..sebab dia ada pencemaran dekat situ...dari segi pencemaran udara dari segi sekitar kilang la..jadi lebih peada kotor la..macam dekat siling ada pencemaran apa semua..jadi pentingnya *SOP* tu dari satu step ke satu step dari segi kebersihan dalam kualiti kita punya produk.

MF : Soalan seterusnya... adakah pihak RS Serunding menganggap bahawa undang-undang makanan yang diperkenalkan menjadi satu beban? Maksudnya kena ada sijil halal apa semua adakah ia menjadi satu beban....

PNF : Sebenarnya...kalau dulu adalah terbeban juga tapi kalau macam sekarang....dulu kita pernah ada dapat sijil...tapi sekarang kita ditarik balik sijil kita sebabnya kekangan...dulu kita ada satu kilang yang mana...sebab kita dapat halal bila kita dah ikut *spec* (kriteria) kita apa dapat sijil halal..jadi sekarang kilang kita dah dirobokkan dan terpaksa pindah ke sini..bila pindah ke sini kita tengok keadaan kat sini pun tak ikut *spec* makna kita nak kena *renovate* (ubah suai)...lepastu bila fikir nak *renovate* tak muat...maksudnya dari segi kapasiti tak muat untuk *machine* (peralatan) kita semua..jadi terpaksa ada dua premis satu tempat proses satu kat sini tempat *packing* (pembungkusan)...jadi bila berasingan macam tu sijil halal ditarik balik sebab kita tak proses dan packing dalam satu premis....syarat dia adalah mesti semua proses dalam satu tempat..maksudnya dia ada flow daripada proses, packaging dan jual...barula dapat sijil halal...bila jadi macam ni agak susah la bila kita tak dapat sijil halal...kita tak boleh nak eksport produk kita keluar..contoh sekarang bukan setakat luar negara dalam Malaysia sendiri pun tak boleh seperti Sabah Sarawak memang tak boleh kalau tiada sijil halal.....sebabnya sebarang produk yang berasaskan haiwan ternakan kita perlu ada jaminan ada sijil daripada veterinary ataupun Halal la...kalau tak dapat memang tak boleh la...jadi terpaksa la menggunakan ejen sendiri ataupun kadang-kadang kita terpaksa mengeluarkan produk tu ke luar negara tapi kita takde sijil halal

diorang akan menggunakan sijil halal dia orang la...tapi takpela macam tu jela.....

MF : Soalan seterusnya...puan bagitahu ada inovasi contohnya penggunaan alat untuk memproses serunding itu..jadi adakah berlaku sebarang inovasi lain terutamanya dari segi produk jualan?

PNF : Jadi macam pertama yang kita guna adalah kayu api kita terus guna gas..lepastu guna mesin la tapi kita tetap menggunakan tenaga kerja jugak sebab mesin dia berpusing *non-stop* (tanpa henti)...jadi kita terpaksa lawan arus mesin tu untuk mencantikkan urat serunding...lepastu kemudian kita dari segi *sealer* (pengedap) untuk packaging dari dulu...saya masih ingat lagi arwah mak saya guna lilin je untuk *seal*....magnanya peredaran zaman benda tu makin canggih...lepastu kita menggunakan *sealer* yang macam tu [menunjuk dengan jari] yang tekan...tapi benda tu bila dah makin lama dah makin dapat sambutan...produk pun makin meningkat...dan tak boleh nak guna *sealer* tu..kita guna *sealer* yang baru ni...yang ni [menunjukkan mesin *sealer*] magnanya diinovasikan untuk memudahkan kerja untuk mempercepatkan proses..yang ni kita letak je tak guna tenaga sangat maksudnya mesin je yang buat...tapi dari segi walaupun kita dah upgrade tetap ada dari segi *maintenance* (penjagaan) dia la..

MF : Bagi pihak RS Serunding, adakah inovasi yang dilakukan mampu meningkatkan jualan produk?

PNF : Betul dapat meningkatkan jualan produk sebabnya kita mampu mengeluarkan produk kita dengan cepat...magnanya kita boleh ikut *due date* (tempoh masa) yang ditetapkan...

MF : Maksudnya boleh dikeluarkan dengan kuantiti yang banyak dalam masa yang cepat lah kan....

PNF : Iyee betul...

MF : Soalan seterusnya...adakah inovasi ini mampu menggabungkan rasa tradisional dan juga rasa moden?

PNF : *Okay* (baiklah)..dari segi rasa sama je memang sama....sebab saya pernah *compare* (membandingkan) dengan yang masak dengan kayu api guna kawah tembaga dan yang guna mesin yang dapur gas...dan saya tak bagitahu kepada *customer* (pelanggan) cara penggunaan dua-dua ni...saya just cuma suruh rasa ada perbezaan tak...mereka kata sama je dari segi tekstur pun sama magnanya benda tu tak memberi kesan la (kualiti rasa serunding)....

MF : Soalan seterusnya...adakah pihak RS Serunding memasarkan produk di peringkat global?

PNF : Ada cuma yang saya cakap tadi sejak kita ditarik balik sijil halal tu...kita terpaksa guna ejen yang ada sijil halal tu untuk bawa...maknanya bila nak guna sijil diorang kena *rebrand* (jenama semula) balik...maknanya *brand* (jenama) kita tak boleh guna sebab kita dah takde (sijil halal) ...tapi bagi saya *as long as* produk kita yang diambil takpe.

MF : Seperti yang puan katakan....boleh sebutkan beberapa kawasan atau negara yang terlibat?

PNF : Kita setakat ni dah sampai ke Indonesia, Thailand, Arab Saudi, Brunei dan Singapore...dan akan *Insyah-Allah* la kita akan perluaskan lagi....ada je haritu orang negara Turkey...tu pun kena diorang sendiri yang turun bawak (ke Turkey)

MF : Kita pergi soalan seterusnya... bagaimanakah inovasi yang dilakukan mampu menjamin kelangsungan permintaan terhadap serunding?

PNF : Sebab dia boleh mencepatkan...maknanya kalau *customer* (pelanggan) tu *order* (tempah) dengan kuantiti yang banyak....maknanya tiadalah kata saya tidak sempat masa kepada *customer* untuk panjang sikit...maksudnya kita boleh

buatkan (tempahan) dengan cepat mengikut *request* (permintaan) diorang (pelanggan) nak.

BAHAGIAN 5: PASARAN DAN KEPENTINGAN PRODUK RS SERUNDING

MF : Pada pendapat puan, pada pendapat puan, apakah strategi pemasaran yang berkesan untuk menaikkan produk RS Serunding?

PNF : *Okay* (baiklah)...kalau dari segi walk-in kita bagi *tester* (percubaan) dulu bersama dengan hidangan yang boleh menarik minat orang..contoh dengan ketupat, pulut, roti maknanya diorang nampak boleh makan dengan ni dengan ni...diorang (pelanggan) akan rasa nak beli tu salah satu...kalau dari segi jualan *online* kita buat dengan secara *live* (siaran langsung) ataupun buat *content* (video) yang menarik minat macam tu...

MF : Soalan seterusnya...seperti yang kita tahu kebanyakan generasi hari ini kurang meminati makanan tradisional termasuk serunding, apakah target yang dilakukan untuk menarik minat mereka supaya meminati serunding?

PNF : *Okay* (baiklah)...contoh sekarang kalau remaja sekarang dia suka makan *fast food* (makanan segera) macam piza...bila kita tengok orang suka makan piza sekarang ni...ni contohlah kita perkenalkan piza yang ditabur serunding dekat atas tu kita buat sebagai toping...lepastu maggi..kan kit selalunya pelajar-pelajar ni kan suka simpan maggi kan tengah-tengah malam ke...kita cakap serunding ni boleh makan dengan maggi...maknanya kita nak jugak tarik anak-anak muda ni supaya tak pinggirkan makanan-makanan tradisional ni...maknanya kita kena

pelbagaikan bagi idea kat diorang (anak-anak muda) macam mana nak menggunakan makanan tradisional tu dengan makanan zaman sekarang..

MF : Maksudnya menggabungkan rasa tradisional dengan rasa moden..

PNF : Haaaaa betul....

MF : Soalan yang seterusnya....adakah RS Serunding ada membuat kempen jualan di mana mana festival yang dianjurkan?

